

PM mahu rakyat contohi Switzerland

BM 10 APR 1994

Oleh Wan Hamidi Hamid

CHUKAI (KEMAMAN): Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat Malaysia mencontohi sikap dan nilai hidup rakyat Switzerland yang positif serta berdisiplin tinggi.

Perdana Menteri berkata, bangsa Switzerland berjaya kerana mereka mempunyai ketertiban, nilai hidup yang amat sesuai untuk kejayaan, berdisiplin dan bersemangat patriotik.

Menurutnya, sejarah negara itu yang membuktikan ia tidak pernah dijajah, mengukuhkan semangat rakyatnya untuk terus maju.

"Switzerland mempunyai pendapatan per kapita paling tinggi di dunia, te-

tapi negara itu tidak mempunyai sumber alam, tidak besar saiznya, berbukit dan bergunung ganang serta bersalji tebal.

"Namun, bangsa Switzerland berjaya maju kerana mempunyai sikap dan nilai hidup yang sesuai," katanya merasmikan perletakan batu asas Institut Lanjutan Teknikal Terengganu (Tati) di Telok Kalong, di sini petang semalam.

Menurutnya, bangsa Switzerland juga dapat mendirikan sebuah negara kecil yang tidak akan diserang dengan mudah oleh negara lain. Katanya, walaupun bilangan penduduk Switzerland kecil serta tidak mempunyai tentera

tetap, penduduknya yang patriotik bersedia mempertahankan negara pada bila-bila masa.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berkata kejayaan sesuatu bangsa tidak akan berlaku hanya dengan cita-cita besar, sumber alam yang banyak, iklim yang elok atau kemudahan yang ada.

"Yang menjamin kejayaan sesebuah negara ialah sikap dan nilai hidup yang dipegang oleh rakyatnya," katanya.

Menurutnya, rakyat Malaysia perlu sanggup menimba ilmu, tekun, tidak takut menghadapi cabaran dan gigih berusaha.

Beliau berkata, usaha kerajaan membina insti-

tusi pengajian tinggi tidak berguna jika rakyat sendiri tidak minat belajar.

"Jadikanlah Switzerland sebagai contoh, selain negara-negara Timur yang sudah berjaya untuk memajukan diri kita," katanya.

Dr Mahathir juga gem-bira dengan kerajaan Terengganu yang mendapatkan kepakaran Switzerland bagi bantuan teknikal mengendalikan kursus di Tati.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Pengarah Tati, Prof Madya Dr Mohd Nawi Derahman.